



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.87 / 2018

7,191 ORANG PENGUNDI AWAL BAGI PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN P.132 PORT DICKSON MENGUNDI PADA SELASA INI.

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan bahawa seramai **7,191 orang** daripada jumlah keseluruhan **7,268 orang** pengundi awal bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.132 Port Dickson akan mengundi pada **Selasa, 9 Oktober 2018**. Manakala seramai **77 orang** pengundi awal pula telah memohon untuk mengundi secara pos iaitu masing-masing **23 orang** anggota Polis dan **54 orang** anggota tentera.
2. Seramai **555 orang** pengundi awal yang terdiri daripada anggota polis akan mengundi di **Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Port Dickson**. Manakala seramai **6,636 orang** anggota tentera serta pasangan mereka akan mengundi di **Hangar, Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA)** dan **di Dewan Serbaguna, Kem Segenting, Port Dickson**. Pusat Pengundian Awal itu akan dibuka mulai jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang, kecuali tiga saluran di IPD Port Dickson iaitu khemah A, B dan C akan ditutup awal pada jam 12.00 tengah hari kerana jumlah pengundi yang sedikit.
3. Proses pengundian awal itu akan disaksikan oleh ejen-ejen calon yang bertanding di bahagian-bahagian pilihan raya yang berkenaan. Di samping itu, Pemerhati-Pemerhati Pilihan Raya daripada wakil-wakil

Organisasi serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang dilantik oleh SPR juga akan turut menyaksikan proses pengundian awal tersebut.

4. Untuk makluman, kertas-kertas undi awal tidak akan dikira di Tempat Mengundi (saluran) pada 9 Oktober 2018, sebaliknya peti-peti undi awal akan disimpan di tempat yang selamat iaitu di lokap-lokap balai polis. Pengiraan undi awal tersebut hanya akan dijalankan pada **13 Oktober 2018** secara berkelompok di tempat pengiraan undi yang ditetapkan SPR dengan disaksikan oleh ejen-ejen calon dan pemerhati pilihan raya yang dilantik oleh SPR.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 8 Oktober 2018 / 28 Muharram 1440H